

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : PERMOHONAN MEMBINA DEWAN MPK 2 DI TAMAN MERU INDAH
INDUSTRI**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status proses permohonan tukar status tanah tapak cadangan?
- b) Bilakah jangkaan tempoh kelulusan?

JAWAPAN:

PEJABAT TANAH DAN DAERAH KLANG

- a) Tiada permohonan pewartaan bagi tapak Dewan MPK di Taman Meru Indah.
- b) Tidak berkenaan.

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

- a) Majlis Perbandaran Klang perlu menyediakan publisiti awam untuk tukar gunatanah daripada kawasan lapang kepada dewan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan ke Pejabat Daerah/ Tanah Klang bagi tujuan kelulusan kegunaan tanah dan hakmilikan.
- b) Tempoh proses kelulusan di antara enam (6) bulan ke dua belas (12) bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : KAMPUNG TRADISIONAL

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan dalam pembangunan kampung-kampung tradisional?
- b) Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan untuk mengekalkan serta memperkayakan tradisi dan adat budaya di kampung-kampung tersebut?
- c) Berapakah peruntukan yang disalurkan untuk menjalankan rekod sejarah lisan oleh PADAT dalam 2013 hingga 2017?

JAWAPAN:

- a) Pembangunan Desa merupakan perkara yang menjadi antara fokus utama Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Usaha ini meliputi pelbagai aspek pembangunan antaranya infrastruktur, sosial dan ekonomi. Hal ini juga adalah kerana penduduk desa masih jauh ketinggalan dari segi pendapatan per kapita berbanding penduduk bandar. Atas kesedaran ini, Kerajaan Negeri Selangor ingin meningkatkan pendapatan dan juga mewujudkan konsep Baldatun Toyyibatun Warabbun Ghafur . Kerajaan Negeri ingin mengubah strategi pembangunan desa ke arah satu konsep yang menyeluruh dan holistik bagi memastikan pembangunan kampung secara bersepadu dan mampan bagi tujuan meningkatkan pendapatan penduduk kampung dan mewujudkan nilai keempunyaan penduduk setempat dapat dilaksanakan. Melalui program-program seperti Karnival Kampungku Kesayanganku ini juga diharapkan objektif ini dapat mencapai matlamatnya.

Bagi aspek infrastruktur, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta untuk pembangunan projek-projek infrastruktur di kampung yang mana RM15 juta diberikan untuk menaiktaraf dan baik pulih jalan-jalan kampung dan RM15 juta lagi untuk maniktaraf balairaya. Melihat kepada keadaan semasa dan keperluan yang mendesak, fokus utama Kerajaan Negeri pada masa ini adalah untuk menaiktaraf infastruktur seperti jalan kampung. Ini kerana masih terdapat banyak jalan-jalan di kampung yang tidak mempunyai jalan yang sempurna dan tidak mengikut spesifikasi MARRIS. Perhatikan kepada peningkatan jumlah kenderaan di negeri maju ini, ternyata struktur jalan yang baik walaupun di kampung menjadi satu keperluan pada

masa kini. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah RM30 juta di bawah MARRIS untuk tujuan penyelenggaraan jalan-jalan kampung.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri turut meluluskan peruntukan berjumlah RM6.43 juta yang bertujuan untuk membangunkan ekonomi kampung-kampung tradisi di samping menjalankan aktiviti berbentuk sosial untuk dimanfaatkan kepada semua masyarakat di kampung. Jumlah ini adalah termasuk peruntukan sebanyak RM3.68 juta bagi program Ikatan Desa yang bertujuan untuk memperkasakan dan memastikan keharmonian di kampung sentiasa terpelihara.

- b) Seperti mana yang kita maklum, di sebalik arus permodenan dan kemajuan yang dikecapi oleh Selangor, ia juga dalam masa yang sama kaya dengan tradisi, adat dan warisan yang masih wujud dan diamalkan khususnya di kampung-kampung tradisi. Justeru itu, Kerajaan Negeri senantiasa berusaha untuk mengekalkan dan memelihara aspek tradisi dan adat yang terdapat di kampung tradisi menerusi program-program yang dianjurkan khusus bagi masyarakat tempatan di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri menerusi Stanco Pembangunan Desa serta Stanco Adat Melayu dan Warisan telah sama-sama mengembleng tenaga dalam penganjuran Pertandingan Kampung Tradisi Terbaik Negeri Selangor yang telah bermula sejak tahun 2015. Dalam pertandingan tersebut, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah berperanan memberi khidmat nasihat dan penilaian hal-hal yang berkaitan dengan sejarah, kesenian, dan kebudayaan kampung khususnya dalam aspek seni tari, pakaian tradisional, rumah tradisional dan makanan warisan. Melalui saranan yang diberikan oleh pihak PADAT kepada kampung-kampung yang bertanding, dapat diperhatikan penambaan dalam aspek tradisi budaya antaranya pemeraksanaan tulisan jawi, sambutan kebudayaan pelbagai etnik, pintu gerbang, mercu tanda dan ikon kampung mula ditonjolkan bagi melambangkan identiti kampung tradisi tersebut.

Selain daripada itu, usaha Kerajaan Negeri untuk memperkayakan dan mengembangkan tradisi dan adat budaya tempatan juga turut dipergiatkan menerusi pengisian Karnival Kampungku Kesayanganku, (antaranya seperti pertandingan masakan atau kuih tradisional serta pertandingan gubahan sirih junjung). Dalam pada itu, Stanco Adat Melayu dan Warisan juga turut menganjurkan program Adat Perkahwinan dan Warisan Kesenian Melayu Selangor yang bertujuan untuk memelihara dan mengembangkan tradisi dan adat pekahwinan yang diamalkan oleh etnik-etnik yang terdapat di Selangor.

- c) Sejarah lisan adalah merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah. Ia dilakukan secara temubual dan wawancara bersama sumber primer yang mempunyai perkaitan secara langsung dengan sesuatu peristiwa sejarah. Maklumat yang diperolehi dari wawancara itu kemudiannya akan disalin dan disemak sebelum digunakan sebagai bahan penyelidikan.

Kaedah ini sememangnya merupakan antara kaedah yang digunakan oleh PADAT ketika melaksanakan kerja-kerja penyelidikan.

Dari segi kewangan, peruntukan yang digunakan bagi rekod sejarah lisan telah termasuk dalam jumlah keseluruhan peruntukan bagi kerja penyelidikan yang mana ianya menggunakan peruntukan pembangunan P01 di bawah kod Projek P.K13 13004 (Penyelidikan Adat Melayu, Bahasa, Kesenian, Budaya dan Warisan). Berikut adalah jumlah peruntukan yang diterima bagi keseluruhan kerja-kerja penyelidikan (termasuk rekod sejarah lisan) dari tahun 2013-2017:

Tahun	Jumlah (RM)
2013	135,000.00
2014	300,000.00
2015	50,000.00
2016 & 2017	25,000.00
Jumlah Keseluruhan	510,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PENJAJA TEPI JALAN

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan dalam menangani masalah penjaja tepi jalan?
- b) Adakah setiap PBT menjalankan inventori penjaja tersebut?
- c) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan menempatkan penjaja tepi jalan ke pusat-pusat penjaja di tapak tanah kerajaan?

JAWAPAN:

- a) PBT mengambil pendekatan untuk menawarkan beberapa program seperti pemutihan penjaja, pendedahan perniagaan secara *Online* serta menggalakkan perniagaan foodtruck di lokasi yang dibenarkan untuk menyelesaikan masalah penjaja tepi jalan tanpa kelulusan.
- b) Inventori penjaja telah dilaksanakan secara berperingkat mengikut penjaja di setiap zon / kawasan PBT. Peniaga yang tidak berlesen yang telah direkod bagi tujuan inventori akan dicadangkan dimasukkan ke kiosk atau tapak penjaja PBT sekiranya terdapat kekosongan.
- c) Kerajaan Negeri tidak bercadang memasukkan penjaja tersebut di tapak-tapak milik kerajaan disebabkan faktor-faktor tertentu seperti keadaan infrastruktur yang tidak sesuai, halangan di tapak, diwartakan untuk kegunaan tertentu dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status rancangan pengwujudan Pusat Pelupusan Sampah konsep teknologi hijau untuk semua PBT di Selangor?
- b) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan penguatkuasaan pengasingan sisa domestik di sumber (*separation at source*)?
- c) Apakah rancangan pengurusan sisa komersial untuk memastikan tiada ketirisan yang mengakibatkan pencemaran?

JAWAPAN:

- a) Berkaitan cadangan pelaksanaan projek Konsep Pembangunan Sumber Hijau dalam pengurusan pelupusan sisa pepejal, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 30/2015 pada 17 September 2015 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 31/2015 pada 22 September 2015 telah bersetuju dengan perkara-perkara seperti berikut:
 - (1) Bersetuju supaya Syarikat AE Carbon Capital Sdn. Bhd. melaksanakan projek perintis dalam skala lebih kecil bagi membolehkan pihak syarikat mengkaji serta membuat perubahan teknologi sekiranya perlu. Segala kos dan liabiliti dalam pelaksanaan projek ini akan ditanggung oleh pihak syarikat;
 - (2) Secara dasarnya, cadangan pelaksanaan projek perintis akan dilaksanakan di dua (2) PBT iaitu Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - (i) Syarikat AE Carbon Capital Sdn. Bhd. diminta memohon kelulusan secara terus dengan kedua-dua PBT berkenaan dan mematuhi keperluan teknikal termasuk keperluan Jabatan Alam Sekitar;
 - (ii) Sekiranya pengurusan PBT bersetuju untuk melaksanakan konsep ini, cadangan perlu mendapat persetujuan daripada Majlis Mesyuarat Penuh PBT masing-masing; dan

- (iii) PBT berkaitan tidak terikat untuk melaksanakan konsep ini sekiranya PBT memutuskan bahawa ia tidak bersesuaian atau tidak mendatangkan kebaikan kepada PBT.

Projek perintis ini telah dimulakan pada 1 September 2017 di kawasan Perusahaan Beranang, Selangor Darul Ehsan. Pada ketika ini, pihak syarikat sedang dalam proses memantap dan menambahbaik logistik untuk penerimaan kapasiti sepenuhnya sisa pepejal yang berjumlah 100 tan sehari seperti yang dijadualkan.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) Ke 16/2016 yang diadakan pada 11 Mei 2016 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) Ke 17/2016 pada 18 Mei 2016 telah menimbang dan bersetuju supaya anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) menerajui usaha untuk membangunkan dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)* bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) Kuala Selangor. ISWMC merupakan satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal menyeluruh yang merangkumi fasiliti atau kemudahan seperti berikut:

- (1) Loji *Waste To Energy* (WTE);
- (2) Loji Kitar Semula Domestik (MRF);
- (3) Loji Pencernaan Anerobik (AD);
- (4) Loji Kompos;
- (5) Loji Kitar Semula Sisa Binaan; dan
- (6) Pusat Penyelidikan & Pembangunan

Usaha membangunkan ISWMC akan melibatkan empat (4) fasa seperti berikut:

- Fasa (1) - Pembangunan dan Pengujian Loji WTE (1)
- Fasa (2) - Pembinaan Loji MRF (1) dan Loji Kompos
- Fasa (3) - Pembangunan dan Pengujian Loji WTE (2)
- Fasa (4) - Pembinaan Loji MRF (2) dan Loji Pencernaan Anerobik (AD)

Pada ketika ini, pihak WHB selaku peneraju ISWMC sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja berkaitan untuk Fasa (1) pembangunan yang meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Studies*) untuk Loji WTE serta pelaksanaan Kajian Pengasingan Sumber Sampah (*Segregation of Source Study*);
- (2) Pemilihan rakan kongsi penyedia teknologi bagi pembangunan Loji WTE (1). Pemilihan rakan kongsi adalah berdasarkan penilaian dari aspek teknikal, kewangan, perundangan dan korporat;

- (3) Pembangunan kapasiti dan kemahiran melalui latihan, kursus serta lawatan untuk pembinaan modal insan bagi membentuk tenaga kerja pakar yang kompeten bagi pelaksanaan ISWMC kelak; dan
 - (4) Perolehan kelulusan daripada agensi yang terlibat seperti *Sustainable Energy Development Authority (SEDA)* yang melibatkan permohonan kuota tenaga boleh diperbaharui dan tariff elektrik bagi tenaga yang dijana dari Loji WTE serta kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA).
- b) Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan bagi penguatkuasaan pengasingan sisa domestik di sumber melalui deraf Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan memasukkan input-input berkenaan pengasingan sisa seperti yang telah dipersetujui oleh semua PBT dalam deraf Enakmen tersebut. Antara input-input berkenaan termasuklah:
- (1) Hukuman sekiranya seseorang itu tidak mematuhi arahan berkaitan pengasingan sisa. Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh dikenakan denda sebanyak lima (5) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak melebihi lima (5) ratus ringgit bagi setiap satu hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan; atau
 - (2) Hukuman sekiranya seseorang itu suatu pertubuhan perbadanan, jika disabitkan kesalahan mereka boleh didenda tidak melebihi sepuluh (10) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak melebihi satu (1) ribu ringgit bagi setiap satu hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.
- c) Bagi pengurusan sisa komersial, Kerajaan Negeri melalui PBT telah pun melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:
- (1) Kutipan sisa pepejal di kawasan komersial seperti premis perniagaan dan restoran adalah melalui kontraktor kutipan yang dilantik yang mana kerja kutipan dilaksanakan dengan kekerapan tujuh (7) kali seminggu (setiap hari);
 - (2) Bagi kutipan di pasaraya besar seperti pusat membeli belah, pengurusan sisa pepejal dilaksanakan oleh pihak pengurusan pusat membeli belah tersebut. PBT akan mensyaratkan pengurusan pusat membeli belah untuk melantik kontraktor kutipan sisa pepejal yang telah berdaftar dengan PBT sebelum kelulusan lesen atau pembaharuan lesen diluluskan oleh PBT berkaitan;
 - (3) Mewajibkan penyediaan tong sampah kepada semua premis perniagaan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak PBT; dan
 - (4) Mewajibkan pemilik premis menghantar laporan bulanan pembuangan sisa pepejal sebagai bukti pematuhan syarat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : TEBATAN BANJIR DAN PENGURUSAN SUMBER AIR

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status rancangan pembinaan kolam takungan tebatan banjir sekitar lembaran perairan sungai di Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah pencemaran sumber air ?
- c) Apakah rancangan Kerajaan dalam meningkatkan kualiti air sungai dan menggalakkan aktiviti rekreasi berasaskan jasad air?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada cadangan bajet di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas, dicadangkan kerja-kerja menaiktaraf kolam takungan di sekitar Negeri Selangor dilaksanakan di kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir di daerah Petaling, Klang, Hulu Langat dan Sepang.

Manakala status bagi pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf kolam takungan ini adalah seperti berikut:

Daerah	Tajuk Kerja	Kos Projek (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Kemajuan Kerja
Petaling	Kerja-kerja menaiktaraf kolam takungan banjir Sri Serdang serta kerja-kerja berkaitan di Daerah Petaling	6,325,154.62	10/11/16	8/2/18	77%
Klang	Kerja-kerja pembinaan kolam takungan banjir di Telok Gadong, Daerah Klang Selangor	2,109,559.00	27/3/17	28/5/18	16%
	Kerja-Kerja Pembinaan Kolam Takungan Banjir Di Taman Sentosa, Daerah Klang, Selangor.	3,371,966.53	1/11/16	31/10/17	90%

Daerah	Tajuk Kerja	Kos Projek (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Kemajuan Kerja
Hulu Langat	Menaiktaraf Kolam Takungan Sg. Jeluh, Kajang	3,265,159.34	7/8/17	6/8/18	5%
Sepang	Membina kolam takungan banjir dan kerja-kerja berkaitan di Taman Permata, Dengkil, Sepang	5,925,845.97	27/3/17	25/6/18	28%
	Membina kolam takungan banjir dan kerja-kerja berkaitan di Kg. Tok Aminuddin, Dengkil, Sepang	2,068,428.54	3/1/17	30/1/18	43%

- b) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telahewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 105 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepadu dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

Maklumat tambahan

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri,

- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
 - iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.
- c) Selain daripada terus melaksanakan pemantauan berkala dan penguatkuasaan berterusan, Kerajaan Negeri turut mengambil tindakan melalui '*soft approach*' iaitu melaksanakan program-program kesedaran alam sekitar khususnya meningkatkan kesedaran akan kepentingan sumber air. Program-program kesedaran yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat membantu Kerajaan Negeri dalam memelihara dan memulihara kualiti sumber air dengan menyasarkan pelbagai peringkat lapisan masyarakat sebagai '*stakeholders*'.

Program-program kesedaran yang berunsurkan jasad air, (seperti Program Qua-Qua, River Rangers, Program Sungai dan Pantai Angkat dan lain-lain) yang dianjurkan melalui pelbagai agensi di bawah Kerajaan Negeri, termasuk anjuran Pejabat EXCO Alam Sekitar (iaitu Kem Kesedaran Alam Sekitar) ini turut dapat menggalakkan dan meningkatkan sektor berasaskan aktiviti rekreasi air di kalangan masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PERLUPUSAN SAMPAH DOMESTIK OLEH PIHAK BERKUASA
TEMPATAN**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak sampah domestik yang dilupuskan oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sepanjang tahun 2017?

JAWAPAN:

- a) Jumlah sampah domestik yang dilupuskan oleh PBT berkenaan sepanjang tahun 2017 (sehingga bulan September) adalah **MBSA** sebanyak **127,226.51 tan**, **MBPJ** sebanyak **117,293.16 tan**, **MPSJ** sebanyak **150,296.64 tan** dan **MPK** sebanyak **144,869.54 tan**. Perincian pelupusan sampah PBT mengikut bulan seperti di **Lampiran 1**.

LAMPIRAN 1

PBT	Nama Tapak Pelupusan	Jumlah sampah domestik yang dilupuskan oleh PBT sepanjang tahun 2017 (Tan)									
		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Jumlah
MBSA	Tapak Pelupusan Sanitari, Jeram	15,099.18	13,090.37	14,368.82	14,205.81	15,126.31	13,661.15	14,076.63	14,276.07	13,322.17	127,226.51
MBPJ	Tapak Pelupusan Sanitari, Jeram	14,013.05	12,082.38	13,025.53	12,464.30	13,400.59	13,117.05	13,752.93	12,123.64	12,123.69	117,293.16
MPSJ	Tapak Pelupusan Sanitari Jeram & Tg. Duabelas	16,374.38	14,258.83	16,779.99	16,699.91	18,410.08	17,418.43	17,814.51	18,740.02	13,800.49	150,296.64
MPK	Tapak Pelupusan Sanitari, Jeram	18,352.81	15,406.36	16,675.87	15,427.66	16,044.41	16,041.69	15,872.10	15,543.07	15,505.57	144,869.54

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : PERUNTUKAN BANTUAN SEKOLAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan bantuan Sekolah Kerajaan Negeri yang telah diagihkan mengikut pecahan SJK(T), SJK(C) dan Sekolah Agama?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang telah diagihkan kepada SJK (T), SJK (C) Sekolah Agama pada tahun 2017 seperti perincian yang berikut :

Bil.	Jenis Sekolah	Peruntukan
1	Sekolah Agama Rakyat	RM9 juta
2	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	RM7 juta
3	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	RM5 juta
4	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dan Sekolah Mubaligh	RM1 juta
	Jumlah keseluruhan	RM22 juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : SIMPANAN TETAP MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah simpanan tetap (*fixed deposit*) Majlis Perbandaran Klang (MPK) sehingga sekarang?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 30 September 2017, jumlah simpanan tetap Majlis Perbandaran Klang adalah sebanyak RM294,500,000.00

BIL	KETERANGAN	RM
1.	Simpanan Jangka Pendek	27,000,000.00
2.	Simpanan Jangka Panjang	267,500,000.00
Jumlah Keseluruhan		294,500,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : STATUS RUMAH SELANGORKU

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak dilancarkan, berapakah unit Rumah Selangorku mengikut pecahan DUN yang telah disiapkan?
- b) Berapakah unit Rumah Selangorku mengikut pecahan DUN yang telah diserahkan kepada pemilik?

JAWAPAN:

a) dan b)

Sehingga 15 Oktober 2017, sebanyak **1,813** unit Rumah Selangorku (RSKU) **telah siap dibina** dan **telah diserahkan kunci**. Perincian data RSKU direkod mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tidak diperincikan mengikut DUN. Berikut perincian RSKU yang telah siap dibina dan diserahkan kunci mengikut PBT :-

Bil.	PBT	Nama Projek	Lokasi Projek	Bilangan Unit	Tahun Siap Dibina
1.	MPKj	TJ Land Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 1024, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	92 (Jenis D)	21 Okt 2014
2.	MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	536 (Jenis C)	22 Mac 2016
3.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	42 (Jenis D)	15 Jun 2017

Bil.	PBT	Nama Projek	Lokasi Projek	Bilangan Unit	Tahun Siap Dibina
4.	MPKj	TPPT Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57 (Jenis D)	12 May 2017
5.	MPSp	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	198 (Jenis C)	07 Mac 2017
6.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D)	08 Mac 2017
7.	MDKS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 5, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	198 (Jenis C)	28 Julai 2017
8.	MPK	Harum Intisari Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	306 (Jenis C)	Sept 2017
9.	MDKS	KL-Kepong Country Homes Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 851, Geran 39815, Mukim Ijok Daerah Kuala Selangor.	224 (Jenis D)	Sept 2017
10.	MPSp	Sim Chong Yong Dan Yap Hoong (Trafmate)	Hakmilik Geran 52258 Lot 2194, Pekan Sungai Pelek, Daerah Sepang.	7 (Jenis C) 8 (Jenis D)	Sept 2017

Bil.	PBT	Nama Projek	Lokasi Projek	Bilangan Unit	Tahun Siap Dibina
11.	MPKj	Serambi Utama Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 13217 GM 1537, Bandar Batu 18 Semenyih, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	16 (Jenis D)	Sept 2017
JUMLAH UNIT				1,813	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : SISTEM PENGANGKUTAN LRT3

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan telah menerima permohonan Kebenaran Merancang (KM) bagi pembinaan Projek LRT3?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah meluluskan mana-mana tanah kerajaan untuk digunapakai dalam pembinaan Projek LRT3?

JAWAPAN:

a) dan b)

Melalui penelitian saya, dua soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan projek Transit Aliran Ringan (*Light Rail Transit* -LRT) Laluan 3 dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang. Soalan-soalan tersebut datangnya dari:

No Soalan	Nama ADUN	Tajuk Soalan
	Dengkil	PROJEK LRT 3 a) Apakah status terkini pelaksanaan projek tersebut? b) Nyatakan peranan Kerajaan Negeri dalam menjayakan projek ini?

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Andalas dan Yang Berhormat Dengkil berhubung status pelaksanaan projek Transit Aliran Ringan (*Light Rail Transit* -LRT) Laluan 3 dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang.

Tuan Speaker,

1. Pembinaan projek LRT3 merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang telah diberikan kepada Prasarana Malaysia Berhad selaku pemaju projek yang dilantik.
2. Projek LRT3 sepanjang 37 kilometer bermula dari Bandar Utama ke Johon Setia, Klang melibatkan tiga (3) Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).
3. Status terkini pelaksanaan projek LRT3 adalah seperti berikut:
 - (a) Proses Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A bagi jajaran LRT3 mengikut PBT.
 - (1) Berdasarkan Keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Ke 1/2017 yang diadakan pada 11 Januari 2017 yang telah disahkan oleh Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 2/2017 pada 18 Januari 2017, Kerajaan Negeri telah menimbang dan bersetuju supaya pengemukaan permohonan bagi cadangan stesen dan bangunan untuk projek LRT3 diproses melalui kaedah Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172); dan
 - (2) Kelulusan Permohonan Secara Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi jajaran di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah diperolehi pada 23 Februari 2017. Manakala Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menetapkan syarat keperluan mendapatkan Kebenaran Merancang (KM) untuk jajaran.
 - (b) Pada masa ini, kesemua permohonan kelulusan pelan telah dikemukakan melalui Pusat Khidmat Setempat (One Stop Centre, OSC) di ketiga-tiga PBT tersebut. Manakala status permohonan Kebenaran Merancang (KM) di ketiga-tiga PBT adalah seperti berikut:
 - (1) Majlis Bandaraya Shah Alam
 - a. Kelulusan dasar (bersyarat) bagi Kebenaran Merancang untuk jajaran dan lapan (8) buah stesen LRT3 telah diperolehi pada 18 Ogos 2017 dan 29 September 2017; dan

- b. Pelan Kerja Tanah bagi jajaran telah dikemukakan pada 15 September 2017.
 - (2) Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 - a. Permohonan Kebenaran Merancang belum dikemukakan; dan
 - b. Pelan Kerja Tanah bagi jajaran telah dikemukakan pada 28 Ogos 2017.
 - (3) Majlis Perbandaran Klang
 - a. Arahan Pematuhan (lulus bersyarat) telah diperolehi bagi Kebenaran Merancang untuk tujuh (7) buah stesen dan Depoh Johan Setia pada 11 September 2017 dan 4 Oktober 2017; dan
 - b. Pelan Kerja Tanah bagi jajaran telah dikemukakan pada 5 Julai 2017.
- (c) Status bagi Proses pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, adalah seperti berikut:
 - (1) Bagi pengambilan tanah di bawah pentadbiran Pejabat Tanah & Daerah Klang:
 - a. Sebanyak 125 lot tanah hakmilik persendirian dan 49 lot tanah hakmilik kerajaan yang terlibat iaitu 46 lot hakmilik Kerajaan Negeri dan 3 lot hakmilik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan serta. Sesi pendengaran/ siasatan untuk kali ke-3 telah berlangsung dari 19 hingga 30 Oktober 2017.
 - b. Permohonan pengambilan telah dikemukakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG) Negeri Selangor kepada Pejabat Tanah & Daerah Klang pada 6 Januari 2017. Permohonan pengambilan ini telah diluluskan pada 6 Februari 2017.
 - c. Pengambilan tanah bagi Seksyen 4 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) bagi daerah Klang telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No.304 pada 22 Januari 2016. Susulan daripada itu, dua (2) permohonan pengambilan tanah di bawah Seksyen 8 Akta

Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) telah dikemukakan dan telah diwartakan seperti berikut:

- (i) Depot LRT3 Johan Setia melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 598 pada 25 Februari 2016.
 - (ii) Jajaran di dalam daerah Klang melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 639 pada 16 Februari 2017.
- d. Bagi pengambilan tanah di kawasan Depoh LRT3 di Johan Setia, sebanyak 161 daripada 167 lot telah selesai dan menerima Borang K daripada Pejabat Tanah dan Daerah Klang. Kesemua 167 lot tanah tersebut merupakan tanah hakmilik persendirian.
- (2) Bagi pengambilan tanah di bawah pentadbiran Pejabat Tanah & Daerah Petaling:
- a. Sebanyak 70 lot tanah hakmilik persendirian dan 49 lot tanah hakmilik kerajaan yang terlibat iaitu 45 lot tanah hakmilik Kerajaan Negeri dan 4 lot tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Sesi pendengaran / siasatan untuk kali ke-2 telah selesai diadakan pada 11 hingga 23 September 2017.
 - b. Permohonan pengambilan telah dikemukakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG) Negeri Selangor kepada Pejabat Tanah & Daerah Petaling pada 17 Januari 2017. Permohonan pengambilan ini telah diluluskan pada 15 Februari 2017.
 - c. Pengambilan tanah bagi Seksyen 4 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) bagi daerah Petaling telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No.305 pada 22 Januari 2016. Susulan daripada itu, pengambilan tanah di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 658 pada 23 Februari 2017.
- (d) Pelantikan kontraktor

- (1) Kontraktor utama telah dilantik pada Mac 2017 bagi Depoh di Johan Setia manakala kontraktor utama bagi *Centralized Labour Quarters* (CLQ) di Johan Setia dilantik pada Januari 2017.
 - (2) Sehingga 18 Oktober 2017, Prasarana Malaysia Berhad telah melantik sebanyak lapan (8) kontraktor pakej kerja utama (*Work Package Contractor*, WPC).
4. Untuk makluman Yang Berhormat, peranan Kerajaan Negeri adalah mempertimbangkan dan meluluskan proses pengambilan balik tanah berdasarkan cadangan jajaran serta memberikan kelulusan jajaran yang melalui Negeri Selangor. Pelaksanaan dan pemantauan kepada kerja-kerja pembangunan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.
5. Kerajaan Negeri juga sentiasa memastikan projek ini dapat berjalan dengan mematuhi peraturan dan akta yang berkuatkuasa iaitu Proses Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi kelulusan jajaran dan stesen/ depoh/ depoh bas. Kerajaan Negeri turut mewujudkan Jawatankuasa Pemandu Projek LRT3 yang dipengerusikan oleh EXCO Pengangkutan Negeri Selangor bagi menyelaraskan isu-isu berbangkit projek LRT3 bersama Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat termasuk Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam (HESI) bagi penyelarasan berhubung isu-isu berkaitan rumah-rumah ibadat selain Islam yang terlibat di sepanjang jajaran projek LRT3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN & PENGURUSAN KEMUDAHAN PENGINAPAN
PELAJAR UNISEL**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian di dalam Isu MBI-Jana Niaga Sdn Bhd yang telah dirujuk kepada Jawatankuasa tersebut pada bulan Mac 2014 kerana kegagalan Jana Niaga Sdn Bhd (JNSB) menyelenggara dan mengurus kemudahan penginapan pelajar dan kakitangan UNISEL selaras dengan kontrak perjanjian?
- b) Benarkah Jana Niaga Sdn Bhd (JNSB) yang telah ditamatkan kontrak menyelenggara dan mengurus kemudahan penginapan pelajar dan kakitangan UNISEL selaras dengan kontrak perjanjian, didakwa mendapat pampasan kewangan dan kontrak baru daripada UNISEL pula?

JAWAPAN:

- a) Penamatan kontrak konsesi oleh pihak UNISEL adalah berdasarkan dakwaan bahawa JNSB telah gagal untuk membetulkan pelanggaran syarat-syarat perjanjian dan mengingkari syarat-syarat perjanjian konsesi. Manakala itu, JNSB pula telah mempertikaikan dakwaan UNISEL dan kesahan penamatan kontrak terbabit. Maka wujudlah pertikaian yang perlu diselesaikan di antara UNISEL dan JNSB berhubung penamatan perjanjian konsesi terbabit.

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB) 04/2013 pada 16 Disember 2013 agar pertikaian ini dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian ("Dispute Resolution Committee" atau "DRC") berbanding "arbitration" kerana ia akan melibatkan kos yang tinggi, pertikaian di antara UNISEL dan JNSB telah dirujuk kepada DRC pada 6 Januari 2014 dan 21 Mac 2014. Walau bagaimanapun, DRC telah gagal untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.

Sehubungan itu, Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PIYSB No. 02/2016 bertarikh 29 Ogos 2016 telah bersetuju agar Pegawai Kewangan Negeri Selangor mengaturkan perbincangan dengan semua pihak terbabit bagi mencari jalan penyelesaian pertikaian dengan kadar segera berhubung pertikaian yang timbul

disebabkan isu penamatan perjanjian konsesi. Cadangan penyelesaian pertikaian di antara UNISEL dan JNSB telah diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan diluluskan pada MMKN Ke-19/2017 pada 7 Jun 2017.

- b) Syarikat JNSB tiada menerima pampasan ataupun kontrak baru daripada UNISEL. Penyelesaian pertikaian ke atas penamatan Perjanjian Konsesi di antara UNISEL dan JNSB adalah dengan kelulusan MMKN di mana penyelesaian tersebut adalah yang paling efisien dari segi masa, kos dan risiko yang minima kepada Kerajaan Negeri dan UNISEL, terutamanya demi menjaga kepentingan para pelajar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : TANAH REVOLUSI HIJAU KG JOHAN SETIA

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang menukar zon tanah ini kepada zon lain memandangkan ia telah diterokai dengan pelbagai aktiviti pembangunan bercampur? Huraikan

JAWAPAN:

- a) Cadangan pengubahan zon guna tanah rancangan tempatan telah dimasukkan ke dalam senarai pengubahan zon guna tanah Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (Pengubahan 4) 2020 dan program publisiti awal telah diadakan bermula pada 25 September 2017 sehingga 15 Oktober 2017.

Seterusnya, pengubahan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (Pengubahan 4) 2020 akan diangkat ke dalam mesyuarat pengurusan Majlis bagi pengesahan program publisiti yang telah diadakan dan penyediaan draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran (Pengubahan 4) 2020.

Program publisiti awam dijangkakan akan diadakan pada awal bulan Disember 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : INSTITUT WANITA BERDAYA (IWB)

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan IWB dalam usaha menjadikan PWB di setiap DUN mencapai aras pemberdayaan yang ditetapkan?
- b) Nyatakan aras-aras pemberdayaan yang telah ditetapkan itu?
- c) Apakah model inklusiviti IWB yang di guna pakai dalam proses pembuatan keputusannya ke arah merealisasikan Agenda Pemberdayaan Wanita Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga amat komited dan peka terhadap pembangunan setiap program yang telah dilaksanakan. Justeru itu, pencapaian Program Pusat Wanita Berdaya (PWB) adalah menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dalam agenda memberdayakan wanita di Selangor. PWB telah ditubuhkan pada tahun 2015 dan telah bergerak serta beroperasi dengan jayanya sehingga kini. Walaupun secara rasmi hanya berusia 2 tahun, PWB telah banyak menjayakan program-program yang berteraskan kemahiran dan telah berjaya mengkader wanita-wanita di kawasan setempat di bawah penyelia yang telah dilantik iaitu seramai 56 penyelia bagi setiap DUN. Sehingga kini prestasi dan sambutan dari masyarakat setempat sangat memuaskan. Dan kini tiba masanya Institut Wanita Berdaya untuk merangka dan merancang satu pelan strategi dimana pengurusan PWB dinaiktaraf kepada piawaian yang lebih tinggi. Antaranya adalah dengan meningkatkan pembangunan kapasiti para penyelia. Dalam masa yang sama membuat pengkaderan bagi mengenalpasti peserta-peserta yang berpotensi tinggi untuk dihantar ke program-program yang lebih maju ataupun “*advance*”.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa mementingkan kualiti terhadap program-program yang dilaksanakan. Justeru itu, aras pemberdayaan yang ditetapkan adalah :-
 - i. Prestasi perbelanjaan yang baik iaitu memastikan setiap dun membelanjakan sekurang-kurangnya 95% peruntukan untuk mengadakan latihan dan program;

- ii. Menaiktaraf ekonomi wanita dan keluarga dengan melatih mereka dengan kemahiran mandiri;
 - iii. Menyebarluaskan maklumat berkaitan PWB Selangor supaya lebih ramai wanita dapat menyertai latihan dan program demi kebaikan mereka; dan
 - iv. Melahirkan pemimpin wanita dengan mengenalpasti potensi mereka dari peringkat akar umbi sehingga ke peringkat nasional.
- c) Keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap pembangunan wanita di Selangor tiada kompromi. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui IWB telah mewujudkan satu model inklusiviti. Model inklusiviti yang diguna pakai dalam proses pembuatan keputusan dalam Agenda Pemberdayaan Wanita Selangor adalah mengambilkira pandangan, kebimbangan dan harapan wanita di setiap lapis masyarakat tanpa sebarang kumpulan wanita yang akan dipinggirkan. Selaras dengan konteks dan cabaran kepada merealisasikan Agenda Pemberdayaan Selangor, Institut Wanita Berdaya telah mengenal pasti 12 kumpulan wanita yang menjadi sasaran pemberdayaan iaitu suri rumah, wanita bekerja termasuk sektor tidak formal, ibu tunggal, wanita kurang upaya, wanita warga emas, wanita muda, gadis remaja, Orang Asli, imigran, pekerja industri, wanita miskin dan wanita dalam sektor luar bandar dan perladangan. Kerajaan Negeri juga mengambil kira keadaan semasa wanita daripada latar belakang sosio ekonomi, pendidikan, kaum, sektor pekerjaan, lokaliti yang berbeza dalam formulasi dasar dan Agenda Pemberdayaan Wanita Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : ZAKAT UNTUK ASNAF FAKIR & MISKIN

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa RM kah pengeluaran zakat di keluarkan khusus mengikut kategori asnaf fakir dan miskin dari 2013-2017 mengikut DUN?
- b) Berapa jumlah penerima dari kategori di atas semenjak 2013-2017 mengikut DUN?
- c) Apakah faktor-faktor penambahan atau pengurangan jumlah penerima zakat dari golongan ini, sila nyatakan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah agihan zakat (RM) kepada asnaf fakir dan miskin dari tahun 2013-2017 adalah seperti berikut:

**JUMLAH AGIHAN ZAKAT (RM) KEPADA ASNAF FAKIR DAN MISKIN
DARI TAHUN 2013-2017**

Tahun	Jumlah Agihan Zakat Mengikut Asnaf	
	Fakir (RM Juta)	Miskin (RM Juta)
2013	53,447,469	121,654,756
2014	73,858,225	161,400,790
2015	97,649,765	201,962,277
2016	98,441,593	200,234,552
*2017	39,440,960	86,993,933

Nota: i) Data belum diaudit.

ii) Jumlah agihan bagi tahun 2017 adalah bagi tempoh Januari - Julai 2017. LZS tidak mempunyai rekod agihan mengikut DUN.

b) Jumlah keluarga asnaf fakir dan miskin dari tahun 2013-2017 adalah seperti berikut:

**JUMLAH KELUARGA ASNAF FAKIR
DARI TAHUN 2013-2017 MENGIKUT DAERAH**

Bil	Daerah	Fakir				
		2013	2014	2015	2016	2017
1.	Hulu Langat	2,218	4,523	2,840	2,830	2,504
2.	Kuala Selangor	951	948	1,000	1,019	816
3.	Hulu Selangor	1,490	1,529	1,858	2,084	1,738
4.	Kuala Langat	1,111	1,131	1,419	1,547	1,442
5.	Klang	1,198	1,910	2,216	2,099	2,154
6.	Gombak	868	961	1,169	1,142	1,098
7.	Petaling	1,625	1,972	1,959	2,160	1,945
8.	Sepang	393	436	526	529	586
9.	Sabak Bernam	325	203	151	112	54
JUMLAH		10,179	13,613	13,138	13,522	12,337

Nota: i) Data belum diaudit.

ii) Jumlah keluarga asnaf fakir bagi tahun 2017 adalah bagi tempoh Januari - Julai 2017. LZS tidak mempunyai data tersebut mengikut DUN.

JUMLAH KELUARGA ASNAF MISKIN DARI TAHUN 2013-2017 MENGIKUT DAERAH

Bil	Daerah	Miskin				
		2013	2014	2015	2016	2017
1.	Hulu Langat	2,965	6,434	4,247	3,986	3,922
2.	Kuala Selangor	2,902	3,587	4,303	4,583	4,089
3.	Hulu Selangor	1,549	1,922	2,450	2,824	3,094
4.	Kuala Langat	1,627	2,126	2,385	2,581	2,219
5.	Klang	2,749	4,560	5,312	5,558	5,003
6.	Gombak	1,256	1,499	1,805	1,997	2,285
7.	Petaling	3,530	4,913	5,289	5,950	4,983
8.	Sepang	750	1,085	1,305	1,444	1,247
9.	Sabak Bernam	3,443	3,922	4,059	4,055	3,872
JUMLAH		20,771	30,048	31,155	32,978	30,714

Nota: i) Data belum diaudit.

ii) Jumlah keluarga asnaf miskin bagi tahun 2017 adalah bagi tempoh Januari - Julai 2017. LZS tidak mempunyai data tersebut mengikut DUN.

- c) Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan penambahan atau pengurangan jumlah penerima zakat di Selangor. Antaranya termasuklah:
1. Bancian dan semakan semula asnaf fakir dan miskin dengan kerjasama Penolong Amil Kariah seramai 1,616 orang.
 2. Peningkatan kos sara hidup memberi kesan kepada masyarakat terutamanya dalam kalangan B40.
 3. Penghijrahan warga negeri lain ke negeri Selangor untuk mencari rezeki.
 4. Kehilangan pekerjaan. Golongan ini hilang pendapatan dengan sebab **diberhentikan kerja** dan tidak mampu menampung keperluan asasi dirinya dan tanggungannya.
 5. Orang yang kehilangan sumber nafkah secara **kekala** dan **tiada ahli keluarga** yang dapat menyara kehidupannya. Contoh:
 - i. Wanita yang hilang tempat bergantung kerana suami meninggal dunia, ghaib, dipenjara atau dipusat tahanan.
 - ii. Wanita yang dianiaya dengan tidak diberikan nafkah oleh suami sama ada dalam tempoh pernikahan atau selepas perceraian.
 - iii. Kanak-kanak yang hilang tempat bergantung kerana bapa / ibu meninggal dunia, ghaib, dipenjara atau sebagainya.
 6. Masalah kesihatan yang menyebabkan hilang punca pendapatan. Selain itu, kos perubatan yang meningkat menyebabkan individu tidak mampu menampung keperluan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : BANTUAN KEBAJIKAN

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peruntukan kewangan untuk pemberian kebajikan bulanan di keluarkan oleh JKM kepada kategori miskin dari 2013-2017 mengikut DUN dan kaum?
- b) Berapa jumlah penerima dari golongan miskin ini semenjak 2013-2017 mengikut DUN dan kaum?
- c) Apa faktor-faktor penambahan atau pengurangan jumlah penerima dari golongan di atas, sila nyatakan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah menyalurkan bantuan kebajikan secara bulanan mengikut Skim Bantuan Persekutuan dan Negeri. Perbelanjaan peruntukan dari Januari hingga Oktober 2017 bagi Skim Bantuan Persekutuan sebanyak RM98,093,500 manakala bagi Skim Bantuan Am Negeri mencatatkan sebanyak RM11,550,000. Berikut adalah maklumat perbelanjaan peruntukan mengikut jenis Skim Bantuan dan kaum bagi tahun 2017 DUN Selangor seperti di **Lampiran 1**. Manakala perbelanjaan peruntukan Skim Bantuan Persekutuan dan Negeri dari tahun 2013 hingga 2016 seperti di **Lampiran 2**.
- b) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor menyalurkan bantuan kepada golongan sasaran yang berkelayakan seperti keluarga miskin, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan tidak berkemampuan serta berkeperluan bagi membantu meringankan beban yang dialami. Berikut adalah maklumat bilangan penerima bantuan mengikut Skim Bantuan Persekutuan dan Negeri, kaum bagi tahun 2017 DUN Selangor seperti di **Lampiran 3** :
- c) Berdasarkan bilangan penerima bantuan bagi DUN Selangor dari tahun 2013 hingga 2017 menunjukkan penambahan jumlah penerima bantuan pada Skim Bantuan Persekutuan. Penambahan jumlah penerima bantuan tersebut disebabkan faktor seperti berikut :

1. Peningkatan kesedaran masyarakat terhadap golongan yang memerlukan dengan merujuk kes permohonan yang berkelayakan menerima bantuan.
2. Peningkatan kesedaran masyarakat terhadap golongan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui pelbagai program dan kempen berkaitan OKU tentang keistimewaan dan manfaat yang bakal diterima termasuk bantuan yang berkelayakan.

Namun terdapat penurunan jumlah penerima bagi Skim Bantuan Am Negeri dari tahun 2013 hingga 2017. Beberapa faktor dikenalpasti sebab penurunan jumlah penerima adalah seperti berikut :

1. Skim Bantuan Am Negeri merupakan pilihan terakhir bagi seseorang penerima bantuan setelah Skim Bantuan Persekutuan tidak terdapat pada syarat dan kriteria tertentu seperti individu/ahli keluarga yang sakit.
2. Walaupun jumlah penerima Skim Bantuan Am Negeri mencatatkan pengurangan bilangan penerima, namun jumlah perbelanjaan peruntukan dijangka meningkat kerana kenaikan kadar bantuan berkuatkuasa mulai Januari 2017.
3. Faktor pengurangan jumlah penerima bantuan juga disebabkan kejayaan pelbagai inisiatif dan program khusus oleh kerajaan dalam membangunkan sosio ekonomi terhadap golongan yang memerlukan dan berkeperluan.

JUMLAH PERBELANJAAN BANTUAN KEBAJIKAN MENGIKUT DUN DAN KAUM BAGI TAHUN 2017 (SEHINGGA OKTOBER)

BIL	DUN	SKIM BANTUAN AM NEGERI				SKIM BANTUAN PERSEKUTUAN				JUMLAH KESELURUHAN
		MELAYU	CINA	INDIA	JUMLAH	MELAYU	CINA	INDIA	JUMLAH	
1	N.1 SUNGAI TAWAR	135,000	5,000	15,000	155,000	912,500	57,000	54,000	1,023,500	1,178,500
2	N.2 SABAK	270,000	30,000	45,000	345,000	1,470,000	315,000	393,000	2,178,000	2,523,000
3	N.3 SUNGAI PANJANG	287,500	25,000	12,500	325,000	1,657,500	210,000	72,000	1,939,500	2,264,500
4	N.4 SEKINCHAN	172,500	112,500	25,000	310,000	857,500	657,000	153,000	1,667,500	1,977,500
5	N.5 HULU BERNAM	122,500	52,500	82,500	257,500	732,500	1,407,000	516,000	2,655,500	2,913,000
6	N.6 KUALA KUBU BHARU	192,500	122,500	142,500	457,500	1,185,000	1,086,000	1,350,000	3,621,000	4,078,500
7	N.7 BATANG KALI	562,500	42,500	380,000	985,000	3,242,500	887,500	1,440,000	5,570,000	6,555,000
8	N.8 SUNGAI BURONG	122,500	55,000	57,500	235,000	942,500	157,500	60,000	1,160,000	1,395,000
9	N.9 PERMATANG	77,500	57,500	60,000	195,000	515,000	215,000	190,000	920,000	1,115,000
10	N.10 BUKIT MELAWATI	47,500	42,500	62,500	152,500	390,000	87,500	655,000	1,132,500	1,285,000
11	N.11 UJOK	50,000	37,500	77,500	165,000	480,000	42,500	757,500	1,280,000	1,445,000
12	N.12 JERAM	65,000	42,500	60,000	167,500	975,000	102,500	357,500	1,435,000	1,602,500
13	N.13 KUANG	67,500	50,000	60,000	177,500	995,000	132,500	92,500	1,220,000	1,397,500
14	N.14 RAWANG	62,500	52,500	80,000	195,000	472,500	285,000	685,000	1,442,500	1,637,500
15	N.15 TAMAN TEMPLER	72,500	55,000	67,500	195,000	585,000	250,000	397,500	1,232,500	1,427,500
16	N.16 BATU CAVES	62,500	55,000	90,000	207,500	812,500	300,000	707,500	1,820,000	2,027,500
17	N.17 GOMBAK SETIA	60,000	47,500	55,000	162,500	507,500	20,000	135,000	662,500	825,000
18	N.18 HULU KELANG	55,000	50,000	55,000	160,000	532,500	62,500	95,000	690,000	850,000
19	N.19 BUKIT ANTARABANGSA	40,000	0	0	40,000	82,500	37,500	20,000	140,000	180,000
20	N.20 LEMBAH JAYA	65,000	35,000	42,500	142,500	750,000	610,000	317,500	1,677,500	1,820,000
21	N.21 CHEMPAKA	47,500	40,000	52,500	140,000	565,000	510,000	387,500	1,462,500	1,602,500
22	N.22 TERATAI	5,000	12,500	10,000	27,500	350,000	410,000	272,500	1,032,500	1,060,000
23	N.23 DUSUN TUA	50,000	22,500	22,500	95,000	517,500	75,000	117,500	710,000	805,000
24	N.24 SEMENYIH	57,500	27,500	42,500	127,500	745,000	55,000	185,000	985,000	1,112,500
25	N.25 KAJANG	70,000	27,500	62,500	160,000	1,080,000	680,000	415,000	2,175,000	2,335,000
26	N.26 BANGI	42,500	40,000	45,000	127,500	677,500	285,000	395,000	1,357,500	1,485,000
27	N.27 BALAKONG	50,000	32,500	45,000	127,500	392,500	457,500	412,500	1,262,500	1,390,000
28	N.28 SERI KEMBANGAN	40,000	42,500	37,500	120,000	447,500	1,157,500	535,000	2,140,000	2,260,000
29	N.29 SERI SERDANG	27,500	5,000	20,000	52,500	910,000	475,000	692,500	2,077,500	2,130,000
30	N.30 KINRARA	7,500	7,500	12,500	27,500	70,000	192,500	155,000	417,500	445,000

31	N.31 SUBANG JAYA	50,000	42,500	50,000	142,500	515,000	610,000	460,000	1,585,000	1,727,500
32	N.32 SERI SETIA	50,000	42,500	42,500	135,000	482,500	325,000	697,500	1,505,000	1,640,000
33	N.33 TAMAN MEDAN	57,500	3,000	52,500	113,000	1,207,500	200,000	1,012,500	2,420,000	2,533,000
34	N.34 BUKIT GASING	60,000	0	66,000	126,000	132,500	330,000	207,500	670,000	796,000
35	N.35 KAMPUNG TUNKU	6,000	9,000	3,000	18,000	127,500	270,000	125,000	522,500	540,500
36	N.36 DAMANSARA UTAMA	0	33,000	0	33,000	185,000	450,000	162,500	797,500	830,500
37	N.37 BUKIT LANJAN	37,500	3,000	30,000	70,500	272,500	187,500	235,000	695,000	765,500
38	N.38 PAYA JARAS	54,000	30,000	42,000	126,000	590,000	170,000	272,500	1,032,500	1,158,500
39	N.39 KOTA DAMANSARA	57,500	25,000	47,500	130,000	1,217,500	295,000	630,000	2,142,500	2,272,500
40	N.40 KOTA ANGGERIK	140,000	0	132,500	272,500	1,315,000	347,500	700,000	2,362,500	2,635,000
41	N.41 BATU TIGA	122,500	9,000	135,000	266,500	762,500	345,000	597,500	1,705,000	1,971,500
42	N.42 MERU	47,500	25,000	87,500	160,000	640,000	222,500	650,000	1,512,500	1,672,500
43	N.43 SEMENTA	30,000	33,000	78,000	141,000	482,500	192,500	605,000	1,280,000	1,421,000
44	N.44 SUNGAI PINANG	32,500	15,000	20,000	67,500	167,500	85,000	97,500	350,000	417,500
45	N.45 SELAT KLANG	40,000	22,500	25,000	87,500	622,500	70,000	112,500	805,000	892,500
46	N.46 PELABUHAN KLANG	92,500	60,000	85,000	237,500	965,000	455,000	855,000	2,275,000	2,512,500
47	N.47 PANDAMARAN	47,500	52,500	65,000	165,000	567,000	540,000	662,500	1,769,500	1,934,500
48	N.48 KOTA ALAM SHAH	35,000	35,000	42,500	112,500	186,000	162,500	265,000	613,500	726,000
49	N.49 SERI ANDALAS	110,000	67,500	162,500	340,000	714,000	380,000	1,647,500	2,741,500	3,081,500
50	N.50 SERI MUDA	70,000	62,500	82,500	215,000	762,000	55,000	487,500	1,304,500	1,519,500
51	N.51 SIJANGKANG	152,500	153,000	155,000	460,500	1,005,000	37,500	707,500	1,750,000	2,210,500
52	N.52 TELUK DATUK	140,000	137,500	147,500	425,000	657,000	395,000	867,500	1,919,500	2,344,500
53	N.53 MORIB	160,000	153,000	135,000	448,000	1,187,500	180,000	762,500	2,130,000	2,578,000
54	N.54 TANJUNG SEPAT	150,000	150,000	147,500	447,500	627,500	525,000	552,500	1,705,000	2,152,500
55	N.55 DENGKIL	225,000	135,000	175,000	535,000	1,385,000	60,000	607,500	2,052,500	2,587,500
56	N.56 SUNGAI PELEK	115,000	0	125,000	240,000	897,500	230,000	682,500	1,810,000	2,050,000
	JUMLAH	5,070,000	2,526,000	3,954,000	11,550,000	41,526,000	18,339,500	26,678,000	86,543,500	98,093,500

Sumber : Bahagian Kebajikan Produktif, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

JUMLAH PERBELANJAAN PERUNTUKAN DAN PENERIMA BANTUAN DARI TAHUN 2013 HINGGA 2016

PERUNTUKAN	TAHUN 2013		TAHUN 2014		TAHUN 2015		TAHUN 2016	
	RM	BIL PENERIMA	RM	BIL PENERIMA	RM	BIL PENERIMA	RM	BIL PENERIMA
PERSEKUTUAN	131,323,976	33,182	109,166,756	34,556	121,153,980	40,354	119,518,829	33,703
NEGERI	18,262,515	8,115	14,269,552	6,196	15,249,000	5,862	15,494,000	4,785
JUMLAH	149,586,491	41,297	123,436,308	40,752	136,402,980	46,216	135,012,829	38,488

Sumber : Bahagian Kebajikan Produktif, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

JUMLAH PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN MENGIKUT DUN DAN KAUM BAGI TAHUN 2017

BIL	DUN	SKIM BANTUAN AM NEGERI				SKIM BANTUAN PERSEKUTUAN				JUMLAH KESELURUHAN
		MELAYU	CINA	INDIA	JUMLAH	MELAYU	CINA	INDIA	JUMLAH	
1	N.1 SUNGAI TAWAR	54	2	6	62	365	19	18	402	464
2	N.2 SABAK	108	12	18	138	588	105	131	824	962
3	N.3 SUNGAI PANJANG	115	10	5	130	663	70	24	757	887
4	N.4 SEKINCHAN	69	45	10	124	343	219	51	613	737
5	N.5 HULU BERNAM	49	21	33	103	293	469	172	934	1,037
6	N.6 KUALA KUBU BHARU	77	49	57	183	474	362	450	1,286	1,469
7	N.7 BATANG KALI	225	17	152	394	1,297	355	576	2,228	2,622
8	N.8 SUNGAI BURONG	49	22	23	94	377	63	24	464	558
9	N.9 PERMATANG	31	23	24	78	206	86	76	368	446
10	N.10 BUKIT MELAWATI	19	17	25	61	156	35	262	453	514
11	N.11 IJOK	20	15	31	66	192	17	303	512	578
12	N.12 JERAM	26	17	24	67	390	41	143	574	641
13	N.13 KUANG	27	20	24	71	398	53	37	488	559
14	N.14 RAWANG	25	21	32	78	189	114	274	577	655
15	N.15 TAMAN TEMPLER	29	22	27	78	234	100	159	493	571
16	N.16 BATU CAVES	25	22	36	83	325	120	283	728	811
17	N.17 GOMBAK SETIA	24	19	22	65	203	8	54	265	330
18	N.18 HULU KELANG	22	20	22	64	213	25	38	276	340
19	N.19 BUKIT ANTARABANGSA	16	0	0	16	33	15	8	56	72
20	N.20 LEMBAH JAYA	26	14	17	57	300	244	127	671	728
21	N.21 CHEMAKA	19	16	21	56	226	204	155	585	641
22	N.22 TERATAI	2	5	4	11	140	164	109	413	424
23	N.23 DUSUN TUA	20	9	9	38	207	30	47	284	322
24	N.24 SEMENYIH	23	11	17	51	298	22	74	394	445
25	N.25 KAJANG	28	11	25	64	432	272	166	870	934
26	N.26 BANGI	17	16	18	51	271	114	158	543	594

27	N.27 BALAKONG	20	13	18	51	157	183	165	505	556
28	N.28 SERI KEMBANGAN	16	17	15	48	179	463	214	856	904
29	N.29 SERI SERDANG	11	2	8	21	364	190	277	831	852
30	N.30 KINRARA	3	3	5	11	28	77	62	167	178
31	N.31 SUBANG JAYA	20	17	20	57	206	244	184	634	691
32	N.32 SERI SETIA	20	17	17	54	193	130	279	602	656
33	N.33 TAMAN MEDAN	23	1	21	45	483	80	405	968	1,013
34	N.34 BUKIT GASING	20	0	22	42	53	132	83	268	310
35	N.35 KAMPUNG TUNKU	2	3	1	6	51	108	50	209	215
36	N.36 DAMANSARA UTAMA	0	11	0	11	74	180	65	319	330
37	N.37 BUKIT LANJAN	15	1	12	28	109	75	94	278	306
38	N.38 PAYA JARAS	18	10	14	42	236	68	109	413	455
39	N.39 KOTA DAMANSARA	23	10	19	52	487	118	252	857	909
40	N.40 KOTA ANGGERIK	56	0	53	109	526	139	280	945	1,054
41	N.41 BATU TIGA	49	3	54	106	305	138	239	682	788
42	N.42 MERU	19	10	35	64	256	89	260	605	669
43	N.43 SEMENTA	10	11	26	47	193	77	242	512	559
44	N.44 SUNGAI PINANG	13	6	8	27	67	34	39	140	167
45	N.45 SELAT KLANG	16	9	10	35	249	28	45	322	357
46	N.46 PELABUHAN KLANG	37	24	34	95	386	182	342	910	1,005
47	N.47 PANDAMARAN	19	21	26	66	189	216	265	670	736
48	N.48 KOTA ALAM SHAH	14	14	17	45	62	65	106	233	278
49	N.49 SERI ANDALAS	44	27	65	136	238	152	659	1,049	1,185
50	N.50 SERI MUDA	28	25	33	86	254	22	195	471	557
51	N.51 SIJANGKANG	61	51	62	174	402	15	283	700	874
52	N.52 TELUK DATUK	56	55	59	170	219	158	347	724	894
53	N.53 MORIB	64	51	54	169	475	72	305	852	1,021
54	N.54 TANJUNG SEPAT	60	60	59	179	251	210	221	682	861

55	N.55 DENGKIL	90	54	70	214	554	24	243	821	1,035
56	N.56 SUNGAI PELEK	46	0	50	96	359	92	273	724	820
	JUMLAH	2,018	982	1,569	4,569	16,418	7,087	10,502	34,007	38,576

Sumber : Bahagian Kebajikan Produktif, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KG KENANGAN

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan PKNS di atas tanah Kg Kenangan Jalan Dato Md Sidin, Klang? Nyatakan jenis pembangunan dan jangkaan ianya akan dimajukan.
- b) Apakah cadangan baru dari pihak PKNS bagi menyelesaikan isu setinggan yang masih tertangguh memandangkan tawaran yang di buat oleh PKNS masih belum diterima sepenuhnya oleh pihak peneroka bandar ini?

JAWAPAN:

- a) Kampung Seri Kenangan ini terletak di atas tapak yang dimiliki oleh pihak PKNS di bawah hak milik HS(M) 40622/PT 67753 yang telah didaftarkan pada 10 Jun 2011 dengan keluasan 4.58 ekar dengan syarat kegunaan tanah bagi tujuan bangunan kediaman dan perniagaan.

PKNS telah pun mempunyai perancangan untuk membangunkan projek kediaman pangsapuri rumah mampu milik sebanyak 210 unit di atas tapak berkenaan.

- b) Berikut merupakan pecahan status setinggan yang masih menduduki di tapak berkenaan:
 - i. Seramai 112 keluarga telah menerima tawaran pembelian pangsapuri kos rendah PKNS di Seksyen 7, Shah Alam. Walau bagaimanapun, mereka tidak menduduki rumah tersebut dan telah menyewakannya kepada penyewa;
 - ii. Pada tahun 2012, PKNS telah melakukan bancian semula di kawasan berkenaan dan mendapati terdapat sebanyak lapan buah setinggan baru di tapak tersebut. PKNS telah bertindak dengan menawarkan pembelian pangsapuri kos rendah di Seri Perantau kepada keluarga berkenaan pada harga RM42,000.00. Namun sehingga kini, tiada sebarang maklum balas yang diterima daripada penduduk setinggan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PENGURUSAN INSTITUT WANITA BERDAYA (IWB)


117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah carta organisasi IWB, sila nyatakan porfolio dan siapa anggotanya?
- b) Dari peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada IWB, sila perincikan pecahan penggunaan bagi tujuan kos operasi pengurusan dan pembangunan modul secara bulanan?
- c) Berapakah bayaran gaji/elaun bagi setiap Lembaga Pengarah, pegawai dan kakitangan IWB?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri prihatin sangat komited akan akan pembangunan wanita Selangor. Justeru itu, bagi melancarkan perihal pembangunan wanita maka Kerajaan Negeri telah membentuk sebuah organisasi yang dikenali sebagai Institut Wanita Berdaya (IWB). IWB bertindak sebagai sebuah badan pemikir kepada Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga. Penubuhan IWB ini berperanan dalam merencana dasar, polisi dan strategi ke arah kemajuan dan pemberdayaan wanita demi merealisasikan pembangunan Negeri Selangor yang inklusif, lestari dan adil. Carta organisasi IWB merangkumi Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Pegawai Dasar, dan Pegawai Sumber Manusia dan Kewangan. (seperti carta di bawah)



Carta Institut Wanita Berdaya (IWB)

Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM10,000,000.00 kepada Institut Wanita Berdaya bagi tahun 2017. Dimana 10% adalah kos operasi pengurusan dan 90% adalah pembangunan modul dan pelaksanaan program.

Institut Wanita Berdaya terbahagi pada beberapa segmen jawatan iaitu, *Chief Executive Officer, Executive, Non- Executive, Senior Executive, Senior Manager,* dan *Manager*. Bayaran gaji bagi jawatan-jawatan yang disandang adalah mengikut pada ketetapan gaji dalam pasaran dan juga berdasarkan kelayakan dan pengalaman. Manakala Lembaga Pengarah, hanya diberikan elaun mesyuarat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KESELAMATAN PENGGUNA KERETAPI

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan sistem pengangkutan keretapi pelbagai jenis amat penting di Selangor, apakah Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan bersama pihak KTM dalam menentukan kecukupan infrastruktur juga kemudahan awam khususnya di sepanjang laluan Komuter stesyen. Nyatakan peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Banyak kemalangan jiwa telah berlaku di sebabkan tiada tembok penghalang dan jejantas khas yang disediakan oleh pihak KTM khususnya di sepanjang laluan Batu Tiga, Shah Alam, Padang Jawa. Apakah usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam menguatkuasakan keselamatan pengguna oleh KTM??

JAWAPAN:

- a) Penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam di dalam kawasan stesen komuter adalah tertakluk di bawah fungsi dan kawalan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) yang bertanggungjawab dalam mengurus, mengawal selia dan menyenggara semua aset keretapi. Kerajaan Negeri juga tidak dilibatkan bersama pihak PAK mahupun Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dalam menentukan kecukupan infrastruktur dan juga kemudahan awam khususnya di kawasan stesen. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan sentiasa memberikan kerjasama dalam memastikan keperluan keselamatan dan kemudahan laluan pengguna komuter disediakan dengan baik.
- b) Kawalan keselamatan dan pemasangan pagar keselamatan sepanjang landasan laluan keretapi adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sepenuhnya. Pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) tidak mempunyai bidang kuasa berkaitan keselamatan sepanjang jajaran landasan keretapi di Stesen Padang Jawa & Stesen Batu Tiga. Namun begitu pihak MBSA boleh dari semasa ke semasa akan memaklumkan kepada pihak KTMB untuk memastikan aspek keselamatan di landasan dan stesen-stesen keretapi sentiasa dipantau untuk mengelakkan kemalangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : CSR AIR SELANGOR.

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sumbangan Air Selangor dan SYABAS dalam memberikan perkhidmatan semasa program gotong royong diadakan oleh masyarakat khususnya dalam program pembasmian pembiakan nyamuk Aedes dan denggi.
- b) Berapa programkah yang pihak Air Selangor telah terlibat?
- c) Nyatakan jenis bantuan yang diberikan.

JAWAPAN:

- a) Pihak Air Selangor terlibat secara langsung dalam memberikan sumbangan dalam bentuk sukarelawan wargakerja, bantuan bekalan air melalui lori-lori tangki air, tangki-tangki statik, minuman air botol dan sumbangan jamuan ringan.
- b) Pihak Air Selangor telah terlibat dalam dua belas (12) aktiviti bersama masyarakat dalam program gotong royong membersihkan kawasan sepanjang tahun 2017 (seperti senarai yang dilampirkan).

No	Wilayah	Perkara	Sumbangan	Tarikh
1	Gombak	Program Gotong Royong bersama Ahli Qariah, Surau Al Mukmin Selayang Sejati, Selayang	i. Sukarelawan Wargakerja Air Selangor	1 Jan 2017
2	Gombak	Program Jalinan Mesra dan Gotong royong bersama Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) , Kg. Orang Asli Ulu Batu, Ulu Yam	i. 2 unit tangki statik	21 Jan 2017
3	Hulu Langat	Program gotong-royong bersama agensi-agensi kerajaan dan swasta Daerah Hulu Langat susulan daripada kejadian banjir kilat di Taman Semenyih Permata, Jalan	i. 2 unit lori tanki air ii. Sukarelawan Wargakerja Air Selangor	23 Mac 2017

No	Wilayah	Perkara	Sumbangan	Tarikh
		Sungai Lalang, Semenyih		
4	Klang / Shah Alam	Program Gotong Royong bersama Wakil Rakyat & Penduduk Pangsapuri Sri Nipah	i. 1 unit lori tanki air ii. Sukarelawan Wargakerja Air Selangor	23 April 2017
5	Kuala Selangor	Program Gotong Royong Perdana Bersama Penduduk dan Persatuan Lavendar Ville, Puncak Alam	i. 1 unit lori tanki air ii. Sukarelawan Wargakerja Air Selangor	7 Mei 2017
6	Hulu Selangor	Program Gotong Royong Pencegahan Denggi bersama agensi Kerajaan dan Persatuan Penduduk Kuala Kubu Bharu	i. Sukarelawan Wargakerja Air Selangor	11 Mei 2017
7	Gombak	Program Gotong Royong bersama Penduduk membersihkan kawasan di Taman Sri Gombak	i. 5 katon air minuman ii. Sumbangan Jamuan Ringan iii. Sukarelawan Wargakerja Air Selangor	21 Mei 2017
8	Kuala Langat	Program Gotong Royong membersihkan Balai Cerap Bukit Jugra	i. 1 unit lori tanki air ii. Sukarelawan Wargakerja Air Selangor	24 Mei 2017
9	Sabak Bernam	Kempen Gotong Royong Mencegah Denggi di Taman Harmoni, Taman Sekinchan anjuran KKM	i. Sukarelawan Wargakerja Air Selangor	8 Julai 2017
10	Hulu Langat	Program Gotong Royong bersama penduduk Taman Impian Ehsan, Balakong	i. 1 unit lori tanki air ii. Sukarelawan Wargakerja Air Selangor	17 Sept 2017

No	Wilayah	Perkara	Sumbangan	Tarikh
11	Klang / Shah Alam	Program Gotong Royong bersama Persatuan Penduduk Flat PKNS Seksyen 7, Shah Alam	i. 1 unit lori tanki air ii. Sukarelawan Wargakerja Air Selangor	30 Sept 2017
12	Klang / Shah Alam	Program Gotong Royong bersama penduduk Pangsapuri Ken Rimba, Rimba Jaya, Sek. 16, Shah Alam	i. 1 unit lori tanki air ii. Sukarelawan Wargakerja Air Selangor	15 Okt 2017

- c) Jenis jenis bantuan yang diberikan:-
- Sukarelawan Wargakerja Pengurusan Air Selangor
 - Bantuan bekalan air melalui lori-lori tangki air
 - Bantuan bekalan air melalui tangki-tangki statik
 - Sumbangan air minuman botol dan jamuan ringan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PELAN TINDAKAN DENGGI SELANGOR

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Selangor mempunyai pelan tindakan membasmi denggi? Nyatakan
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri Selangor dalam berkongsi dan menurunkan informasi tentang Pelan tindakan ini kepada masyarakat awam dan pihak berkepentingan?
- c) Apakah KPI bagi memastikan bahawa Pelan Tindakan ini telah tercapai?

JAWAPAN:

- a) Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan akan mengeluarkan satu Blueprint Denggi Negeri Selangor pada tahun 2018 bagi memastikan kes demam denggi akan berada di tahap terkawal.
- b) Setelah siap, Kerajaan Negeri akan mengedarkan maklumat ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan semua pihak yang berkaitan secara meluas agar semua pihak turut bersama-sama mengambil perhatian dan tindakan.
- c) Antara perkara-perkara yang ditumpukan untuk menangani demam denggi adalah seperti :
 - 1) Tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan di lorong belakang;
 - 2) Tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan di premis barang lusuh;
 - 3) Melaksanakan Program Smart Tapak Bina iaitu tapak bina bebas aedes;
 - 4) Melaksanakan Program Ops Bersepadu Denggi;
 - 5) Melaksanakan Program Unit Tindakan Khas Denggi (UTKD); dan
 - 6) Melaksanakan Program Ahli Majlis dan Denggi.